PEJABAT PERDANA MENTERI
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PROGRAM MADANI KITA SEKIJANG PERKUKUH PENDEKATAN KERAJAAN MENYANTUNI RAKYAT

SEKIJANG, 1 NOVEMBER 2026 – Program MADANI Kita menjadi platform strategik dalam mendekatkan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat, selain memperkukuh hubungan antara agensi kerajaan, pemimpin dan komuniti setempat.

Ahli Parlimen Sekijang, YB Datuk Seri Dr. Zaliha Mustafa, berkata program seumpama ini memberi peluang kepada masyarakat mendapatkan maklumat, mengenali perkhidmatan agensi kerajaan serta menyelesaikan pelbagai urusan secara lebih mudah melalui pendekatan sehenti.

Beliau berkata, aspirasi Malaysia MADANI perlu diterjemahkan melalui amalan nilai kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan dalam pentadbiran serta kehidupan bermasyarakat.

Menurut beliau, semangat kenegaraan dan patriotisme juga perlu diperkukuh dengan menghayati prinsip Rukun Negara, menghormati Perlembagaan Persekutuan serta memelihara keamanan dan keharmonian demi generasi akan datang.

Beliau turut menegaskan bahawa pembangunan komuniti memerlukan kerjasama berterusan antara kerajaan, agensi, pemimpin masyarakat dan rakyat, khususnya dalam memastikan keperluan golongan warga emas, orang kurang upaya, keluarga memerlukan serta golongan belia terus diberikan perhatian.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program MADANI Kita Peringkat Parlimen Sekijang di Dewan SJK (C) Jagoh, Segamat, Johor, hari ini. Turut hadir YBhg. Datin Saliza binti Mokhtar, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Akademi Kenegaraan Malaysia, Pejabat Perdana Menteri selaku agensi pelaksana program kali ini.

Majlis perasmian dimulakan dengan sesi *walkabout* YB Ahli Parlimen Sekijang ke reruai agensi dan Siri Temu Rakyat: *Town Hall* bersama beliau disusuli upacara simbolik penyerahan dan pemakaian topi keledar, penyampaian Bakul Rahmah MADANI serta penyerahan cek cura kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah sempena Program Mini MADANI Kita.

Program anjuran Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Pejabat Perdana Menteri itu mencerminkan komitmen kerajaan untuk memperluas akses perkhidmatan, mendengar suara rakyat dan memperkukuh kesejahteraan masyarakat selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
1 November 2026

-TAMAT -